

MTUC buat perubahan strategi yang baik

(P)

U.M. 8 MAY 1993

SHAH ALAM 7 Mei — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berpendapat, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) telah membuat suatu perubahan strategi yang baik jika ia tidak mahu lagi bersubahat dengan kesatuan-kesatuan buruh asing untuk melumpuhkan ekonomi negara.

Sehubungan itu, beliau berharap MTUC benar-benar berpegang kepada kata-katanya kerana ia merupakan suatu pendekatan baru yang boleh membantu para pekerja negara ini memperolehi peluang mendapatkan gaji yang lebih serta membantu meningkatkan produktiviti negara.

"Kalau MTUC sudah tukar pendirian tidak mahu lagi bekerjasama dengan kesatuan buruh asing untuk melumpuhkan ekonomi negara, ia merupakan suatu perubahan strategi yang baik,"katanya kepada para wartawan selepas merasmikan Kilang Usra Tampi (M) Sdn. Bhd. di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Setiausaha Agung MTUC, G. Rajasekaran kelmarin bahawa kongres itu telah mengemukakan pandangannya kepada Pertubuhan Buruh Amerika Syarikat-Kongres Pertubuhan Industri (AFL-CIO) meminta Amerika Syarikat supaya tidak menarik balik Sistem Keutamaan Am (GSP) ke atas Malaysia.

Ditanya mengenai permintaan MTUC untuk bertemu dengannya, Perdana Menteri berkata, beliau sehingga kini tidak mendapat sebarang maklumat mengenai perkara itu daripada kongres tersebut.

"Kita telah lama sedar persahabatan yang ditunjukkan oleh sesetengah kesatuan sekerja asing ini sebenarnya bukanlah persahabatan ikhlas kerana mereka bertujuan untuk melumpuhkan industri kita dengan menghasut para pekerja tempatan supaya menuntut gaji yang tinggi," katanya.